

**PERTANYAAN AM
PENUBUHAN KUMPULAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (KPU)**

1. Apakah jenis instrumen penilaian yang digunakan semasa permohonan Kumpulan Penyelidikan Universiti?

Instrumen Penilaian HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi Edisi 2020/2021 (Instrumen HICoE JPT). Instrumen tersebut juga boleh diakses dalam laman web KPT.

2. Siapakah yang layak mengemukakan permohonan Kumpulan Penyelidikan Universiti?

Semua penyelidik yang memenuhi kriteria permohonan sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Permohonan Kumpulan Penyelidikan Universiti layak mengemukakan permohonan.

3. Adakah setiap ahli akademik wajib menjadi ahli kepada mana-mana kumpulan penyelidikan?

Tidak. Walau bagaimanapun penyelidik digalakkan menganggotai mana-mana kumpulan penyelidikan yang bertepatan dengan disiplin masing-masing. Sebagai bonus, penyelidik akan diberikan mata SPPU dalam kategori Penyelidikan (Lain-lain sumbangan/aktiviti/anugerah penyelidikan).

4. Adakah kumpulan ini dimaksudkan dengan kumpulan penyelidikan sedia ada yang telah dibentuk dalam tempoh minima 3 tahun sebelum? Jika ya, mengapa tempoh minima 3 tahun ini diperlukan?

Ya. Kumpulan penyelidikan sedia ada yang telah wujud telahpun mempunyai rekod pencapaian yang boleh diukur.

5. Bagaimana sekiranya kumpulan penyelidikan sedia ada tidak melepas tempoh minima 3 tahun sebelumnya?

Kumpulan penyelidikan sedia ada boleh bergerak di bawah PTj masing-masing terlebih dahulu untuk melengkapkan tempoh minima 3 tahun bagi memenuhi syarat permohonan penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti.

6. Sekiranya 15 orang ahli kumpulan didaftarkan, adakah pemarkahan mengikut bilangan minima 5 ahli atau bilangan sebenar ahli yang didaftarkan?

Pemarkahan adalah mengikut bilangan sebenar ahli yang didaftarkan.

7. Berapakah markah minima yang melayakkan permohonan penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti?

40% markah minima.

8. Sekiranya penilaian kumpulan penyelidikan sedia ada bagi tempoh minima 3 tahun sebelumnya mencapai markah 55% dan ke atas, adakah kumpulan ini layak mengemukakan permohonan sebagai CoE UKM tanpa melalui Kumpulan Penyelidikan Universiti terlebih dahulu?

Boleh. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti.

- 9. Merujuk kepada Instrumen HICoE JPT, adakah Makmal Kecemerlangan diklasifikasikan sebagai Kumpulan Penyelidikan Universiti?**
- Makmal Kecemerlangan terletak di bawah instrumen penilaian PTj. Jika Makmal Kecemerlangan terlibat dalam projek-projek penyelidikan dan markah di bawah 40% (tempoh penilaian 3 tahun) maka ianya di bawah PTj, namun jika markah 40% dan ke atas maka makmal tersebut boleh diklasifikasikan sebagai Kumpulan Penyelidikan Universiti.
- 10. Adakah penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti yang menyokong kepada agenda penyelidikan transdisiplin dan multidisiplin ini sama seperti Kerangka Penilaian Penyelidikan UKM (KPPU) yang menyokong penyelidikan fundamental sebelum ini? Dan bagaimanakah komponen fundamental Kumpulan Penyelidikan Universiti ini dinilai?**
- Kaedah pelaksanaan KPPU dan KPU adalah berbeza yang mana KPU akan membantu serta menyokong penyelidikan dari tahap fundamental sehinggalah projek penyelidikan yang bersifat translasi dan multidisiplin yang boleh mencapai tahap TRL1 - TRL9 serta penghasilan kertas polisi.
- 11. Bagaimana ingin memastikan tiada pertindihan penyelidik di antara Kumpulan Penyelidikan Universiti?**
- Antara syarat penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti adalah sekurang-kurangnya seorang dari ahli kumpulan mestilah dari disiplin yang berbeza. Selain itu Jawatankuasa Audit yang dilantik akan membuat pengesahan dan pemantauan bagi memastikan tiada isu pertindihan tersebut. Sekiranya ada beberapa kumpulan yang mempunyai disiplin yang hampir sama, pihak universiti berhak mempertimbangkan penggabungan kumpulan-kumpulan tersebut bagi membentuk satu kumpulan penyelidikan sahaja.
- 12. Adakah prestasi Kumpulan Penyelidikan Universiti akan dinilai secara tahunan sebelum dinaiktaraf kepada CoE UKM?**
- Ya. Kumpulan Penyelidikan Universiti yang telah diiktiraf perlulah melengkapkan laporan prestasi tahunan (bagi tempoh 3 tahun berturut-turut) dan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan sebelum layak memohon untuk dinaiktaraf kepada CoE UKM.
- 13. Sekiranya prestasi Kumpulan Penyelidikan Universiti menurun kepada bawah 40%, apakah yang akan berlaku?**
- Selepas diiktiraf, sekiranya Kumpulan Penyelidikan Universiti gagal mengekalkan markah prestasi minima di atas 40%, kumpulan akan diberikan bimbingan dan pelan intervensi untuk membuat penambahbaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak universiti. Sekiranya masih gagal, kumpulan ini akan dipulangkan semula kepada PTj.
- 14. Adakah permohonan penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti ini akan dibuka sepanjang masa?**
- Tidak. Hebatnya pembukaan akan dimaklumkan kepada penyelidik dalam tempoh sekurang-kurangnya dua kali setahun.